

RANCANGAN

ANJUR

KURSUS

SENI SILAT

KUNINGAN

22 JAN 1976

PERSATUAN Pemuda Pe-mudi Melayu Queenstown ber-cadang untuk menganjurkan kursus seni silat kuningan mung-kin dalam beberapa bulan ini.

Satu majlis perkenalan telah di-anjurkan baru-ba-ru ini di pekara-nan Mesjid Hang Jebat di Queens Crescent.

Pemuda

Seramai 80 orang telah pun mendaftarkan na-ma bagi menyer-tai kursus tersebut.

Guru yang mengajar ialah Encik Basri Alang. Gambar atas menunjuk-kan sebahagian dari kanak-kanak dan pemuda yang menunjukkan mi-nat untuk menyer-tai kursus tersebut.

Persekutuan

Silat:

7 badan

setuju

jadi 22 JAN 1976

kerabatnya

pencak silat

TUJUH buah pertu-buhan telah ber-setuju menjadi ker-a-bat Persekutuan Silat Singapura yang akan mengadakan mesyu-rat agungnya yang pertama pada 15 Fe-bruari ini di Dewan Perses, Jalan Eunos.

Demikian ditegas-kan oleh Setiausaha-Agung Jawatankuasa Sementara Perse-kutuan itu, Encik Johari Uriff ketika di-hubungi kemarin.

Pertubuhan - pertubuhan itu termasuklah Perwanit, Pasak, Pertapis, Perpen-sis, Badan Kesenian Mela-yu, Persatuan Bawean dan Persatuan Rakyat.

Dalam mempelawa per-tubuhan - pertubuhan di si-ni agar menjadi anggota ke-rabat, Encik Johari menya-takan sejauh ini sembilan buah pertubuhan termasuk Angkatan Belia Singapura dan Pertapis dan tujuh buah badan tadi telah dibenar-kan menganjurkan kegia-tan seni silat.

Mereka boleh menjalan-kan kegiatan itu selepas mendapat kelulusan dari Unit Pengawal Seni Mem-pertahankan Diri (MACU), Kementerian Halehwal Da-lam Negeri.

Berminat

Encik Johari menerangkan bahawa dalam me-syuarat agung itu kelak, para anggota badan - badan kerabat akan diminta meluluskan perlumbagaan perseku-tuan itu dan memilih ahli jawatankuasanya.

"Orang - orang individu juga yang berminat dalam kegiatan seni memper-tahankan diri seperti pencak silat dijemput menjadi ahli bersekutu.

"Orang - orang perse-orangan itu diperlukan ker-a-sejajar dengan perlumbagaan Persekutuan ini, berbagai bahagian akan di-bentuk yang memerlukan tenaga mereka yang berke-layakan dan diaukui dalam bidang seni silat," Encik Johari menekankan.

Mengenai matlamat dan tugas Persekutuan Silat Si-ngapura, dia menarik per-hatian bahawa ia akan ber-usaha menjadi sebuah ba-dan penyelaras kegiatan itu di sini.

"Ia juga akan berusaha untuk meninggikan lagi taraf seni silat dan menjadikannya sejenis sukan yang popular di kalangan ma-syarakat bukan Melayu ju-ga," dia menambah.

Menurutnya lagi, jawatankuasa sementara badan itu telahpun mengadakan mesyuaratnya yang per-tama pada 16 Januari lalu dan melantik Haji Ya'acob Mo-hamed, Menteri Negara di Pejabat Perdana Menteri sebagai pengerusi.

PSSS anjurkan peraduan lukis logo—cogankata

25 JAN 1976

Berita Minggu

Op 2

PERSEKUTUAN Seni Silat Singapura (PSSS) kini sedang meng-anjurkan peraduan melukis logo dan mencipta cogankata — untuk di-jadikan lambang perse-kuatan tersebut.

Orangramai yang ber-minat untuk menyertai kedua-dua peraduan itu bolehlah mendapatkan keterangan dari pegawai-pe-gawai PSSS dan juga mengirimkan ciptaan mere-ka dari sekarang.

Jurucakap PSSS mem-berihu, peraduan itu terbuka kepada sesiapa juga yang ingin menyerta-tainya.

Pemenang pertama, ke-dua dan ketiga dalam ke-dua-dua peraduan akan diberikan hadiah istime-wa, uarnya.

Setiap peserta boleh mengirim seberapa banyak peraduan yang mereka suka. Tidak ada batasan yang dikenakan kepada mereka yang hendak mengirim lebih dari satu penyertaan.

Bagaimanapun, karya untuk peraduan melukis logo mestilah berukuran lima centimeter x tiga cen-timeter besarnya. Para peserta boleh menggunakan apa jua warna yang mereka fikirkan sesuai.

Bagaimanapun, untuk peraduan mencipta cogankata, tidak ada ukuran yang ditetapkan. Karya-karya mestilah mudah, tepat dan ring-kas.

Karya logo dan cogan-kata itu bolehlah di-hantarkan ke alamat Se-tiausaha, No: 32 Jalan Jaafar, Singapura 14. Tarikh penyertaan di-tutup pada 31 Mac.

Pegawai

Sementara itu, PSSS te-lah melantik enam orang pegawai dan enam orang anggota jawatankuasa se-mentaranya.

Di samping Haji Ya'acob Mohamed seba-gai presiden, Encik A. Rahim Dayan, naib presiden, Encik Johari Uriff, setiausaha dan Encik Arif Haji Zahari, sebagai peno-long setiausaha.

Bendahari kehormat ia-rah Encik Karim Maidin dan penolong bendahari Encik Abdullah Maarof.

Anggota jawatankuasa terdiri daripada Encik Encik Mohammad Sain Mohd. Som, Jaffar Haji Yaakub, Asmui Sulaiman, Goh Loo Ann, Juma-at Sidek dan Baharuddin Badaruddin.